



Headline: Timbalan KP Kuala Lumpur 2 kali jadi 'modal' penipu
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 18 October 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 20



YONG berbual dengan penduduk setempat di Majlis Program Amanita High Profile Policing di PPR Pekan Kepong.

Timbalan KP Kuala Lumpur 2 kali jadi 'modal' penipu!

Kuala Lumpur: "Betapa liciknya helah sindiket Macau Scam sehingga saya sendiri dijadikan 'modal' untuk menipu ahli keluarga saya," kata Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Yong Lei Choo.

Menceritakan semula kejadian yang berlaku enam tahun lalu, Yong berkata, kakaknya dihubungi individu mendakwa dirinya pegawai polis.

"Pegawai polis' itu memberitahu kakak saya kononnya saya ditahan di lokap. Malah, individu berkenaan juga memperdengarkan suara seorang lelaki yang didakwa sebagai diri saya.

"Mujur kakak saya tidak tertipu kerana suara jeritan meminta tolong yang kononnya didakwa suara saya ketika berada di lokap itu adalah daripada seorang lelaki," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berkongsi pengalamannya menerusi Forum

Risiko Jenayah kepada Wanita dalam Program Amanita *High Profile Policing* di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kepong di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Kuala Lumpur Datuk Azman Ayob dan Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Beh Eng Lai.

Menurutnya, beliau juga dimaklumkan mengenai satu lagi kes membabitkan sindiket Macau Scam yang menggunakan namanya bagi menipu mangsa pada September lalu.

"Dalam kes yang dilaporkan di Kuala Lumpur itu, mangsa memaklumkan dia dihubungi seorang pegawai polis bernama Inspektor Yong Lei Choo.

"Mangsa yang percaya dengan helah suspek itu kerugian RM15,000," katanya.

Beliau berkata, orang ramai perlu melakukan sema-

kan dan pengesahan dengan pihak berkuasa sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

"Apabila terima panggilan telefon daripada individu memperkenalkan diri sebagai pihak berkuasa, buat semakan dulu sebelum melakukan sebarang transaksi.

"Langkah ini penting bagi mengelakkan kota daripada menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam," katanya.

Katanya, penganjuran Program Amanita *High Profile Policing* berkenaan adalah usaha dilakukan pihak polis bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai trend jenayah semasa.

"Program ini bertujuan mendidik komuniti supaya memainkan peranan dalam memberantas jenayah selain menjadi mata dan telinga kepada pihak polis," katanya.